



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 78/2025

LIGA SUKAN KOMUNITI 2025: KEJOHANAN AKAR UMBI PENTAS CUNGKIL BAKAT BAHARU

26 SEPTEMBER 2025

1. YBrs. Puan Azura Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) hadir merasmikan Majlis Pembukaan Kejohanan Liga Sukan Komuniti (LSK) Peringkat Kebangsaan 2025 di Sports Arena @ UNITEN Kampus Putrajaya, Kajang hari ini.
2. Penganjuran LSK peringkat kebangsaan ini merupakan kemuncak siri LSK yang berlangsung di peringkat daerah dan negeri di seluruh negara sejak Mei hingga September 2025. LSK telah berjaya menarik penyertaan seramai 63,519 orang peserta.
3. Kejohanan kali ini mempertandingkan empat acara sukan iaitu pingpong, bola jaring, sepak takraw dan bola baling. LSK bukan sahaja menjadi medan persaingan, malah mencapai beberapa objektif utama termasuk:
 - 3.1 mencungkil **bakat baharu sukan negara** yang berpotensi mewakili negara pada masa hadapan;
 - 3.2 menyemai **budaya sukan dalam kalangan masyarakat** ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan (*sporting nation*);
 - 3.3 meningkatkan **akses dan merakyatkan sukan** menerusi amalan gaya hidup aktif dan sihat;
 - 3.4 mengukuhkan **perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti**; dan
 - 3.5 sebagai **langkah intervensi sosial bagi mengelakkan gejala negatif** terutamanya melibatkan belia dan anak muda.

4. Pemenang setiap acara akan membawa pulang hadiah wang tunai, trofi dan sijil. Majlis Penutup dijadualkan berlangsung pada 28 September 2025 (Ahad), jam 4.30 petang di lokasi yang sama.
5. Penganjuran LSK selari dengan teras kesejahteraan dan keyakinan dalam konsep Malaysia MADANI serta aspirasi Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030) yang menekankan pembangunan sukan secara menyeluruh, inklusif dan berteraskan masyarakat.
6. Untuk sebarang maklumat lanjut, JBSN boleh dihubungi di talian 03-8871 3242 atau e-mel jbsn@kbs.gov.my

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**



LAMPIRAN A**SENARAI ACARA DI BAWAH PENGANJURAN LIGA SUKAN KOMUNITI
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024****SPORTS ARENA @ UNITEN KAMPUS PUTRAJAYA, KAJANG.**

BIL	ACARA	VENUE	PENYELARAS
1.	Pingpong	Dewan Seri Sarjana, UNITEN	Che Ahmad Taufiq bin Che Zakaria 011-1010 1895 ahmadtaufiq@kbs.gov.my
2.	Sepak Takraw	Sports Arena @ UNITEN	Ahmad Faizal bin Zainuddin 012- 353 0471 ahmadfaizal@kbs.gov.my
3.	Bola Jaring		Nabilah binti Zulkifli 017-226 2946 nabilah@kbs.gov.my
4.	Bola Baling		Saiful Bahri bin Kamaruzzaman 012-691 3611 saifulbahri.k@kbs.gov.my